

29 MAY 1998

Ghafar-Umno

MT UMNO DISARAN BENARKAN PENUBUHAN KELAB VETARAN PARTI

KOTA BAHARU, 29 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno disarankan supaya membenarkan penubuhan kelab veteran parti itu di seluruh negara yang dianggotai oleh bekas pemimpinnya bagi membolehkan mereka memberi sumbangan dalam pembangunan dan politik negara.

Bekas Timbalan Presiden Umno Tun Ghafar Baba berkata, kebenaran bagi penubuhan kelab seumpama itu dapat memberi peluang kepada veteran dan bekas pemimpin Umno untuk bergiat cergas semula dalam perjuangan parti.

"Kebanyakan pemimpin-pemimpin veteran Umno kini merasakan diri mereka terpinggir dan sukar bersama kalangan barisan muda anggota Umno khususnya di peringkat cawangan, walaupun mereka masih mampu memberi sumbangan melalui pengalaman berharga semasa aktif dalam parti," katanya ketika ditemui pemberita di sini, malam tadi.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga berkata golongan pemimpin veteran seperti bekas wakil rakyat dapat membantu jentera pilihan raya parti dalam memberi penerangan kepada rakyat.

"Terpulanglah kepada barisan MT untuk menimbang cadangan ini, kalau dipersetujui saya rasa besar faedahnya kepada semua," katanya.

Sejak kerajaan memberi semula peranan kepadan Ghafar untuk memberi penerangan mengenai kegawatan ekonomi negara kepada rakyat, beliau telah berucap sebanyak dua kali iaitu yang pertama di Selangor dan kedua di Kelantan semalam.

Mengenai kegawatan ekonomi yang melanda negara masa ini, Ghafar meminta rakyat dan parti-parti politik supaya bersatu padu bagi memastikan ekonomi negara pulih secepat mungkin tanpa kesan negatif.

Ditanya mengenai resolusi Pas pada muktamarnya minggu lepas yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan ekoran kegawatan ekonomi sekarang, Ghafar berkata tindakan itu tidak wajar kerana pertukaran pemimpin tidak menjamin perubahan positif.

"Sepatutnya Pas dan parti pembangkang lain memberikan pendapat bernas kepada kerajaan bagi mengatasi kegawatan ekonomi dan bukannya menggunakan keadaan sekarang bagi kepentingan politik," katanya.

Beliau juga berkata langkah kerajaan membantu syarikat-syarikat tertentu yang menghadapi masalah kewangan bukan bertujuan untuk menyelamatkan individu tertentu sebaliknya dibuat bagi kepentingan bersama.

Terdahulu Ghafar mengadakan pertemuan dengan bekas pemimpin Umno Kelantan bagi memberi taklimat khususnya mengenai keadaan ekonomi negara masa ini dan sumbangan yang boleh mereka sampaikan.

-- BERNAMA

RAR PR